

**PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)**

**NAMA DOKUMEN : SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2024**  
**MAKLUMAN PELAKSANAAN KADAR FI DAN CAJ**  
**PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
**(MQA)**


**NOMBOR RUJUKAN : MQA.100-1/3/2(19)**

**EDISI : -**

**TARIKH KUATKUASA : 01 JANUARI 2025**

**DILULUSKAN**

Tandatangan :



Nama: Ts. Dr. Hasnita binti Che Harun

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 15 September 2024



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency


Tel: +603 8688 3779 Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercuri MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 ( 19 )

Tarikh : 15 Ogos 2024



KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2024**

**MAKLUMAN PELAKSANAAN KADAR FI DAN CAJ PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengkaji semula semua fi dan caj perkhidmatan yang diguna pakai semenjak tahun 2010 dan selaras dengan peruntukan Seksyen 7(2)(e) Akta MQA 2007 (Akta 679). Semakan semula ini bagi memastikan kesesuaian dengan perbelanjaan dan kos perkhidmatan semasa yang dilaksanakan.
3. Berdasarkan semakan tersebut, pihak pengurusan MQA telah menetapkan kadar fi dan caj bagi perkhidmatannya dengan persetujuan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi.
4. Sehubungan itu, fi dan caj perkhidmatan semasa masih dikekalkan (**Lampiran A**) manakala **kos logistik dan penginapan akan ditanggung oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)**. Fi dan caj perkhidmatan ini juga termasuk bagi program yang melibatkan badan profesional yang permohonannya melalui MQA untuk proses perakuan akreditasi. Untuk makluman juga, tanggungan logistik dan penginapan oleh PPT adalah berdasarkan sewaan hotel mengikut harga sebenar (Standard Biasa) dan kemudahan penerbangan kelas ekonomi.
5. Bersama-sama ini disertakan jenis perkhidmatan yang melibatkan tanggungan kos logistik dan penginapan oleh PPT seperti di **Lampiran B**.
6. Makluman awal ini dikeluarkan bagi memberi ruang kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) membuat persediaan lebih awal. Bersama ini disertakan jadual kadar kos logistik dan penginapan mengikut kelayakan sebagai panduan seperti **Lampiran C** untuk rujukan pihak tuan/puan.

7. Pelaksanaan kadar fi dan caj ini akan **berkuat kuasa mulai 01 Januari 2025.**

Sekian, terima kasih.

**“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

LAMPIRAN A

Fi Agensi Kelayakan Malaysia

(1) No.	(2) Perkara	(3) Permohonan	(4) Pengeluaran Perakuan	(5) Penggantian Perakuan	(6) Pemantauan Program atau Kelayakan	(7) Penilaian Semula Program atau Kelayakan
1.	Akreditasi sementara bagi setiap program atau kelayakan: a) Sijil b) Diploma dan Diploma Lanjutan c) Sijil Siswazah, Diploma Siswazah, Sijil Pascasiswazah dan Diploma Pascasiswazah d) Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran	RM 3,500.00 RM 4,000.00 RM 5,500.00 RM 7,500.00	RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00	RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00	RM 1,500.00 RM 2,000.00 RM 2,500.00 RM 5,000.00	
2.	Akreditasi bagi setiap program atau kelayakan: a) Sijil b) Diploma dan Diploma Lanjutan c) Sijil Siswazah, Diploma Siswazah, Sijil Pascasiswazah dan Diploma Pascasiswazah d) Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bagi: i. program perubatan ii. program farmasi, pergigian, optometri dan iii. program lain	RM 6,500.00 RM 7,000.00 RM 8,500.00 RM 25,000.00 RM 18,000.00 RM 10,000.00	RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00	RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00 RM 100.00	RM 3,250.00 RM 3,500.00 RM 4,250.00 RM 5,250.00 RM 5,250.00 RM 5,250.00	

LAMPIRAN B

PERKHIDMATAN MQA YANG MELIBATKAN TANGGUNGAN KOS LOGISTIK  
DAN PENGINAPAN OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

BIL.	FI PERKHIDMATAN
1.	Permohonan Akreditasi Sementara (PA)
2.	Permohonan Akreditasi Penuh (FA)
BIL.	CAJ PERKHIDMATAN
1.	Penilaian Pematuhan Syarat Akreditasi Sementara dan Penuh Program Badan Profesional

## LAMPIRAN C

### KADAR BAYARAN SEWA HOTEL

Kelayakan kadar bayaran sewa hotel (bertaraf 4 bintang atau mengikut kesesuaian lokasi) Ahli Panel Penilai (APP) adalah mengikut harga sebenar (Standard Biasa) untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Sekiranya APP memilih untuk menggunakan kemudahan loging berikut merupakan kadar bayaran yang ditetapkan.

Kadar Bayaran Loging Sehari		
Bil.	GRED	Elaun
1.	Semasa	RM100

### KEMUDAHAN PERJALANAN DENGAN KAPAL TERBANG

Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan Ahli Panel Penilai adalah seperti berikut:

Penerbangan Di Dalam Negeri		
Bil.	GRED	KELAS
1.	Semasa	Ekonomi

Penerbangan Ke Luar Negeri		
Bil.	GRED	KELAS
1.	Semasa	Ekonomi/Perniagaan

## KEMUDAHAN PERJALANAN DENGAN KENDERAAN SENDIRI

Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan	
<b>Jumlah KM:</b>	
500 km pertama	Jumlah KM..... x 0.85 sen/km = RM.....
501 km dan seterusnya	Jumlah KM..... x 0.75 sen/km = RM.....
Tol	Kadar Sebenar
Pengangkutan Awam Lain (cth: ETS, ERL, E- Hailing dan sebagainya)	Kadar Sebenar
	Jumlah Tuntutan: RM.....